Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Pertumbuhan global secara keseluruhannya bertambah baik, disokong oleh aktiviti pelaburan yang lebih kukuh dalam ekonomi maju utama.**
- **Inflasi keseluruhan meningkat berikutan kenaikan harga minyak mentah.**
- **Turun naik pasaran kewangan semakin reda, meskipun terdapat beberapa perkembangan utama.**

Pertumbuhan global terus berkembang

Pada suku pertama 2017, aktiviti ekonomi global terus berkembang, dengan pertumbuhan yang lebih sekata antara negara. Penunjuk seperti indeks pengurus pembelian perkilangan (Purchasing Managers' Index, PMI) dan pertumbuhan perdagangan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kegiatan ekonomi. Khususnya, PMI perkilangan mencatat kadar pertumbuhan terpantas dalam tempoh enam tahun. Aktiviti perkilangan disokong oleh prestasi yang lebih baik merentas sektor barangan pengguna, pengantara dan pelaburan, yang seterusnya menyarankan bahawa terdapat perkembangan yang menyeluruh dalam permintaan pengguna dan perniagaan. Perdagangan ekonomi Asia, termasuk Korea, China Taipei dan Singapura, mencatat pertumbuhan dua angka buat kali pertama sejak tahun 2011, disokong terutamanya oleh sektor elektrik & elektronik (E&E) dan komoditi.

Ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun mencatat pertumbuhan yang bertambah baik. Kadar pertumbuhan KDNK suku pertama lebih tinggi dalam beberapa ekonomi di Asia, dan mampan dalam ekonomi maju. Dari segi komponen pertumbuhan, penggunaan adalah mampan manakala aktiviti pelaburan dalam ekonomi maju meningkat. Ini merupakan perkembangan penting memandangkan pelaburan

Rajah 1: Indeks Pengurus Pembelian Perkilangan



Sumber: J.P. Morgan, IHS Markit, Bloomberg

yang agak lembap, terutamanya di AS sejak S2 2016. Lebih penting lagi, pelaburan yang bertambah baik memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu perdagangan global (Constantinescu et al., 2015). Permintaan dalam negeri yang terus kukuh di RR China turut menyokong permintaan global, seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan dua angka dalam import negara itu pada suku tersebut. Permintaan yang lebih tinggi ini dijana oleh permintaan untuk barangan pengantara yang akan dieksport semula dan penggunaan dalam negeri. Rantau Asia

Rajah 2: Pertumbuhan KDNK Ekonomi-ekonomi Terpilih

Ekonomi global terus berkembang pada S1 2017



Sumber: Pihak berkuasa negara

Rajah 3: Harga Minyak Mentah Brent

Harga minyak mentah lebih tinggi pada S1 2017



Sumber: Bloomberg

Rajah 4: Kadar Inflasi Ekonomi-ekonomi Terpilih

Inflasi keseluruhan meningkat dalam kalangan ekonomi maju dan Asia



*Data merujuk indeks harga perbelanjaan penggunaan peribadi

Sumber: Pihak berkuasa negara

mendapat manfaat daripada pemulihan permintaan global berikutan keadaan permintaan dalam negeri yang mampan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja dan perbelanjaan dalam infrastruktur yang menggalakkan.

Inflasi keseluruhan meningkat berikutan kenaikan harga minyak

Inflasi keseluruhan dalam banyak negara di dunia meningkat pada suku pertama, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Harga minyak mentah Brent berpurata USD55 setong (S4 2016: USD51 setong), disokong oleh sentimen pelabur yang optimis disebabkan pematuhan yang tinggi oleh anggota OPEC terhadap inisiatif pengurangan pengeluaran minyak.

Kenaikan harga minyak mentah telah menyebabkan kos pengangkutan meningkat merentas ekonomi maju utama dan ekonomi sedang pesat membangun. Inflasi keseluruhan di UK meningkat kepada 2.1%, melebihi kadar sasaran inflasi Bank of England iaitu 2%. Ini merupakan kadar inflasi tertinggi dicatat sejak S4 2013. Di kawasan euro, inflasi keseluruhan juga mencatat peningkatan terpantas sejak S1 2013. Walau bagaimanapun, kadar kenaikan inflasi berbeza antara negara anggota euro. Jerman dan Sepanyol masing-masing mencatat kadar inflasi 2.0% dan 2.8%, manakala di Finland dan Greece, kadar inflasi masing-masing pada 0.9% dan 1.3%. Inflasi di Asia juga semakin meningkat, termasuk di Indonesia, Filipina, Korea, Thailand dan Singapura, dengan subkomponen pengangkutan mencakupi antara 8% (di Filipina) hingga 19% (di Thailand) daripada bakul indeks harga pengguna (IHP). Walau bagaimanapun, tekanan harga asas masih sederhana, seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan inflasi teras yang rendah. Hanya di AS sahaja inflasi teras (diukur oleh indeks harga perbelanjaan penggunaan persendirian) meningkat, disebabkan oleh penggunaan swasta yang terus meningkat, terutamanya bagi sektor perkhidmatan.

Turun naik pasaran kewangan semakin reda

Turun naik pasaran kewangan global menjadi reda kerana kebanyakan daripada perkembangan dan peristiwa penting telah dijangka oleh peserta pasaran.

Satu peristiwa dasar yang penting ialah keputusan Federal Reserve untuk menaikkan kadar dana persekutuan buat kali kedua sejak bulan Disember

2015. Langkah pengembalian semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar telah dijangka ramai. Federal Reserve sebelum ini telah membayangkan bahawa kenaikan kadar faedah merupakan langkah yang sesuai ekoran data guna tenaga dan inflasi yang terus bertambah baik. Kebanyakan bank pusat lain terus komited untuk mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif sehingga tanda-tanda yang lebih jelas mengenai kenaikan inflasi muncul, dan pada masa yang sama turut menjadikan fasa pengembangan ekonomi semasa menjadi lebih mantap. Selain dasar monetari, langkah Kerajaan UK yang ditunggu sekian lama yakni penggunaan Artikel 50[1] juga tidak memberikan kesan yang besar terhadap turun naik dalam pasaran kewangan.

Namun demikian, pasaran terjejas sedikit apabila terdapat usaha oleh pentadbiran Trump untuk memansuhkan *Affordable Care Act* seperti ditunjukkan oleh peningkatan pembacaan VIX pada 23 Mac. Kebimbangan terhadap keupayaan pentadbiran Trump untuk melaksanakan dasar yang menyokong pertumbuhan terus meningkat. Ini seterusnya menyebabkan dolar AS menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau, menjelang akhir suku tersebut.

Rajah 5: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)

Ketidaktentuan rendah dalam pasaran kewangan



Sumber: Bloomberg

[1] Artikel 50 Triti Kesatuan Eropah merupakan sebahagian daripada undang-undang Kesatuan Eropah yang menggariskan proses yang membolehkan negara ahli menarik diri daripada Kesatuan Eropah.